

# PANDUAN PERPUSTAKAAN

## Sesi Akademik 2010 – 2011



# **PANDUAN PERPUSTAKAAN**

Sesi Akademik 2010 – 2011

Cetakan / *Printing*, 2010  
Hak cipta / *copyright* Jabatan Perpustakaan  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Pihak Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin sedaya upaya mempastikan bahawa Buku Panduan ini adalah tepat pada masa diterbitkan. Buku ini bermaksud untuk memberikan panduan kepada siswa/siswi berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan serta peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

**Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by**

Jabatan Perpustakaan  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Kampus Gong Badak  
Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman  
Telefon: 09-6653120  
Faks: 09-6661731

Kampus Kota  
Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman  
Telefon: 09-6275586  
Faks: 09-6275586

E-mel: [library@unisza.edu.my](mailto:library@unisza.edu.my)  
Portal: [www.unisza.edu.my/perpustakaan](http://www.unisza.edu.my/perpustakaan)

Semua pertanyaan hendaklah diajukan kepada alamat di atas.

# Kandungan

<b>Kata Aluan Naib Canselor</b>	4
<b>Sekapur Sireh Ketua Perpustakaan</b>	5
<b>Sesi Akademik</b>	6
<b>Waktu Perpustakaan</b>	7
<b>Sejarah UniSZA</b>	8
<b>Visi, Misi dan Moto UniSZA</b>	9
<b>Pengurusan Tertinggi UniSZA</b>	10
<b>Pengenalan</b>	11
<b>Pengurusan Perpustakaan</b>	12
<b>Visi, Misi, Objektif dan Halatuju Perpustakaan</b>	16
<b>Struktur Bahagian</b>	17
<b>Keahlian Perpustakaan</b>	19
<b>Peraturan Am Perpustakaan</b>	21
<b>Kemudahan Perpustakaan</b>	23
<b>Perkhidmatan Perpustakaan</b>	24
<b>Koleksi Perpustakaan</b>	28
<b>Pengelasan Bahan Perpustakaan</b>	32
<b>Direktori Kakitangan Perpustakaan</b>	36



## Kata aluan Naib Canselor

**Dato' Profesor Dr. Alias bin Daud**

Naib Canselor

Universiti Sultan Zainal Abidin

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada anda semua yang kini bergelar mahasiswa/ mahasiswi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Saya juga mengucapkan syabas kepada fakulti-fakulti, pusat-pusat tanggungjawab dan Pusat Penerbitan atas inisiatif menerbitkan Buku Panduan Fakulti ini yang berperanan memastikan maklumat akademik diperolehi oleh semua pelajar dengan jelas dan sistematik.

Paparan maklumat lengkap yang dibekalkan di dalam Buku Panduan ini diharap mampu memberi maklumat secara *premier* dan menjadi bahan rujukan kepada para pelajar khasnya bagi mengenali fakulti masing-masing serta memahami peraturan-peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal akademik.

Pihak universiti menerusi fakulti-fakulti dan pusat-pusat tanggungjawab akan terus mengambil langkah yang proaktif dan responsif dalam menjadikan maklumat yang sedia ada sentiasa relevan dengan pasaran semasa dan tuntutan pembangunan negara. Semoga para mahasiswa/mahasiswi dapat memanfaatkan dokumen penting ini dengan baik sepanjang pengembalaan mereka menerokai, mengkaji serta menguasai keunggulan ilmu di UniSZA ini.

Di kesempatan ini, suka saya ingatkan bahawa peranan melahirkan insan yang profesional bukan hanya terletak pada fungsi universiti secara total tetapi sebagai pelajar, saudara/ saudari harus memainkan peranan sebagai insan terpelajar yang mempunyai keyakinan, ketekunan serta komitmen yang tinggi untuk membina keperibadian, mengasah kemahiran dan mencipta kegemilangan ke arah menjadi manusia yang berilmu, berakhlik dan bertanggungjawab.

Akhir kata, saya berbangga dengan penerbitan buku panduan ini yang merupakan satu langkah proaktif dalam menyediakan maklumat terkini kepada mahasiswa/mahasiswi. Diharap buku ini dapat dimanfaatkan untuk perancangan akademik saudara/ saudari sepanjang pengajian di UniSZA. Tingkatkan ilitizam, jangan sesekali mudah mengalah kepada cabaran serta bertekadlah untuk menjadi modal insan dan graduan UniSZA yang dapat memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat seterusnya memartabatkan nama UniSZA di persada dunia.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



## Sekapur Sireh Ketua Perpustakaan

**Haji Ghazali bin Mat Jamil**

Ketua Perpustakaan

Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah Subhanahu Wataala. Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Besar Muhammad S.A.W. serta salam sejahtera kepada semua.

Izinkan saya mengalu-alukan saudara/saudari siswa-siswi baru ke Universiti Sultan Zainal Abidin dan selamat bersua kembali kepada semua. Buku Panduan ini diharap dapat membantu siswa-siswi, tenaga pengajar, penyelidik-penyeleidik, kakitangan Universiti serta pengguna-pengguna yang berminat mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan Universiti. Sebagai sebuah institusi baru terdapat kelemahan dan kekurangan. Kami akan berusaha untuk memperbaikinya dan kami dengan ikhlas menerima cadangan-cadangan dan teguran semua pengguna.

Di samping menimba ilmu, universiti dan perpustakaan boleh dijadikan sebagai ruang dan kesempatan untuk membentuk peribadi dan sikap. Dengan demikian kita dapat menjadi insan yang lebih mulia serta warganegara yang lebih baik. Ini bertepatan dengan moto Universiti **ILMU DEMI FAEDAH INSAN**.

Pada kesempatan ini juga pihak Perpustakaan memohon maaf di atas segala kesulitan disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan bangunan tambahan Perpustakaan. Kesulitan dan rasa tidak selesa ini perlu dihadapi bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan keselesaan kepada semua di masa hadapan.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyediakan Buku Panduan ini. Terima kasih juga kepada Universiti dan seluruh warga yang memberi kesempatan dan kepercayaan kepada kami berkhidmat dan membantu anda. Semoga anda mendapat manfaat di samping berpeluang memperkayakan pengalaman hidup. Moga-moga usaha-usaha anda mendapat berkat dan rahmat.

Selamat maju jaya.

# Sesi Akademik 2010/2011

## Semester Pertama

► Pendaftaran Diri Pelajar Baru Program Lepasan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf Sesi Akademik 2010/2011	4 Julai 2010	
- Minggu Mesra Siswa	4 Julai 2010 – 10 Julai 2010	1 Minggu
► Kuliah	11 Julai 2010 – 2 September 2010	8 Minggu
► Cuti Pertengahan Semester	3 September 2010 – 18 September 2010	2 Minggu
► Kuliah	19 September 2010 – 28 Oktober 2010	6 Minggu
► Cuti Ulangkaji	29 Oktober 2010 – 6 November 2010	1 Minggu
► Cuti Khas	7 November 2010 – 20 November 2010	2 Minggu
► Peperiksaan	21 November 2010 – 9 Disember 2010	3 Minggu
► Cuti	10 Disember 2010 – 1 Januari 2011	3 Minggu
	<i>Jumlah Minggu</i>	<i>26 Minggu</i>

## Semester Kedua

► Kuliah	2 Januari 2011 – 27 Januari 2011	4 Minggu
► Cuti Pertengahan Semester	28 Januari 2011 – 5 Februari 2011	1 Minggu
► Kuliah	6 Februari 2011 – 14 April 2011	10 Minggu
► Cuti Ulangkaji	15 April 2011 – 23 April 2011	1 Minggu
► Peperiksaan Akhir	24 April 2011 – 12 Mei 2011	3 Minggu
► Cuti	13 Mei 2011 – 16 Julai 2011	9 Minggu
	<i>Jumlah Minggu</i>	<i>27 Minggu</i>

## Semester Khas (Ketiga)

► Kuliah	15 Mei 2011 – 30 Jun 2011	7 Minggu
► Peperiksaan	1 Julai 2011 – 7 Julai 2011	1 Minggu
	<i>Jumlah Minggu</i>	<i>8 Minggu</i>

## Waktu Perpustakaan

<i>Semasa Semester</i>	
AHAD-RABU	9.00 pagi-10.00 malam
KHAMIS	9.00 pagi-6.00 petang
SABTU	9.00 pagi-4.30 petang

<i>Semasa Semester</i>	
AHAD-RABU	9.00 pagi-10.00 malam
KHAMIS	9.00 pagi-6.00 petang
SABTU	9.00 pagi-4.30 petang

Nota: Perpustakaan ditutup pada hari Jumaat dan cuti umum.  
Pada bulan Ramadan, waktu rehat Perpustakaan ialah dari jam 6.00 petang hingga 8.00 malam

## Sejarah UniSZA

Keputusan Kerajaan menubuhkan Universiti Sultan Zainal Abidin (Dahulu dikenali Universiti Darul Iman Malaysia) menjadi satu sejarah dalam perkembangan institusi pengajian awam negara dan menjadi kebanggaan rakyat Negeri Terengganu secara khususnya dan masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu di Terengganu. Universiti ini menawarkan pelbagai kursus pengajian peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana serta Doktor Falsafah. UniSZA mempunyai dua buah kampus yang dikenali sebagai Kampus Kota yang terletak di Bandar Kuala Terengganu yang terletak berhadapan dengan Hospital Besar Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan Kampus Gong Badak yang terletak di Gong Badak, Kuala Terengganu. Universiti Sultan Zainal Abidin akan mempunyai sebuah kampus lagi, iaitu Kampus Besut yang masih dalam proses pembangunan. Pada masa sekarang, terdapat sembilan buah fakulti yang menawarkan pelbagai program pengajian iaitu:

1. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
2. Fakulti Pengurusan Peniagaan dan Perakaunan
3. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
4. Fakulti Pertanian dan Bioteknologi
5. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
6. Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi
7. Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa
8. Fakulti Informatik
9. Fakulti Teknologi Makanan

Oleh kerana UniSZA mempunyai dua buah kampus termasuk sebuah lagi yang akan dibina di Besut, maka penempatan fakulti telah dikelompokkan mengikut kampus-kampus tersebut. Terdapat tiga buah fakulti yang ditempatkan di Kampus Kota iaitu Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Pertanian dan Bioteknologi serta Fakulti Teknologi Makanan. Manakala Kampus Gong Badak pula memfokuskan kepada pengajaran dan penyelidikan ilmu-ilmu Islam yang diharmonikan dengan ilmu-ilmu konvensional termasuk pengajian perniagaan yang melibatkan semua fakulti selain daripada tiga buah fakulti yang terletak di Kampus Kota. Sebagaimana yang telah dirancang, Kampus Besut pula akan menjurus kepada bidang pertanian seperti bio-teknologi pertanian dan teknologi maklumat apabila beroperasi nanti.

Dengan usaha berterusan daripada semua pihak, Universiti Sultan Zainal Abidin diharap berupaya melahirkan pemimpin dalam pelbagai bidang melalui merekayasa ilmu, menggalakkan keterbukaan, menanam sikap kebertanggungjawaban dan mengahrgai kepelbagaiannya demi manfaat manusia di samping membentuk pemimpin yang bakat dan pemikirannya diasuh dengan ilmu, budaya tinggi, akhlak luhur serta berwajah antarabangsa.

## Visi, Misi dan Moto UniSZA

### ***VISI***

Universiti Sultan Zainal Abidin (Dahulu dikenali Universiti Darul Iman Malaysia) berhasrat untuk menjadi institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa yang melahir dan membentuk pemimpin yang berbakat dan pemikirannya diasuh, diperkaya dengan ilmu, budaya tinggi dan akhlak yang luhur.

### ***MISI***

Universiti Sultan Zainal Abidin akan menonjol dan mengasah bakat bakal pemimpin dalam pelbagai bidang menerusi usaha merekayasa ilmu, menggalakkan ketulusan keterbukaan, menanam sikap pertanggungjawaban dan menghargai kepelbagaian untuk menafaat manusiawi.

### ***MOTO***

Ilmu Demi Faedah Insan '*Knowledge for the Benefit of Humanity*'

# Pengurusan Tertinggi UniSZA

## Naib Canselor



Ybhg. Dato' Profesor Dr. Alias bin Daud  
*DPMT, BSc(Salford), Ph.D Salford*

## Timbalan Naib Canselor



**Timbalan Naib Canselor**  
**(Akademik dan Antarabangsa)**  
Profesor Dr. Mohd Afandi bin Muhamad  
BSc (Leeds), Ph.D (Leeds)



**Timbalan Naib Canselor**  
**(Penyelidikan dan Inovasi)**  
Profesor Dr. Abdul Manaf bin Ali  
SmSn (UKM), M.Sc. (Dundee), Ph.D. (St. Andrews)

## Pegawai Kanan Universiti



**Pendaftar**  
Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar  
BSc (UPM), MBA (UPM), Ph.D. (UMT)



**Bendahari**  
Baharin bin Salim @ Abdullah  
BA (Manchester), MBA (Malaya)



## Pengenalan

Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin bermula pada tahun 2006, tahun Universiti ditubuhkan. Perpustakaan yang dahulunya dikenali sebagai Perpustakaan al-Mukhtar, Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) telah diserapkan ke dalam perkhidmatan Universiti Darul Iman Malaysia pada tahun 2007 secara rasminya.

Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin telah diperbadankan melalui Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Enakmen Bil. 3, 1981). Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 22 Ogos 1981 dan berkuatkuasa mulai 1980. Sejarah KUSZA bermula pada tahun 1980 dengan pengambilan pelajar pertamanya seramai 40 orang. Pelajar-pelajar ini ditempatkan di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin di Batu Buruk, Kuala Terengganu. Mulai 1981 hingga akhir 1983, KUSZA menyewa bangunan Hajjah Wok di Jalan Hiliran (Pulau Kambing). Perletakan batu asas kampus tetap di Gong Badak telah dengan rasminya disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 17 Mac 1981. Bermula Januari 1983, KUSZA melakar sejarah sebagai sebuah institusi pengajian tinggi di kampus tetapnya di Gong Badak, Kuala Terengganu.

Perkara 4 (e) Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin memberi kuasa kepada Kolej "Untuk mendirikan, melengkapkan dan menyenggara perpustakaan ...". Dengan peruntukan ini, perpustakaan dibangunkan bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran. Pustakawan pertama Kolej memulakan tugas beliau pada bulan Oktober 1982. Bangunan perpustakaan yang ada siap dibina dan diduduki pada pertengahan 1987.

Pada tahun 1995, sistem perpustakaan VTLS (Virginia Tech Library System) mula digunakan. Sistem ini menggantikan sistem kad bagi katalog perpustakaan bertujuan memudahkan pencarian dan pengesanan bahan-bahan perpustakaan. VTLS telah digantikan dengan sistem ILMU (Integrated Library Management Utility) pada tahun 2001.

Perlembagaan Universiti Darul Iman Malaysia 2006, perkara 6 (j) memberi kuasa kepada Universiti "untuk mendirikan, melengkapkan dan menyenggara perpustakaan ...". Perkara 13 (1), Perlembagaan Universiti juga memperuntukkan pelantikan seorang Ketua Pustakawan. Oleh yang demikian, perpustakaan merupakan entiti penting sesebuah institusi pengajian tinggi awam bagi melengkapkan aktiviti pengajian, pembelajaran dan penyelidikan institusi; juga memenuhi tanggungjawab penyediaan maklumat secara amnya.

Kini, perkhidmatan perpustakaan disediakan di kedua-dua kampus iaitu di Kampus Kota dan Kampus Gong Badak. Perpustakaan di Kampus Kota mula beroperasi pada Julai 2007 di bangunan sementara dan berpindah ke bangunan sedia ada pada Oktober 2008. Perkhidmatan perpustakaan kini diurus dan dikendalikan oleh seramai 55 orang kakitangan, terdiri daripada 13 orang kumpulan pengurusan dan profesional serta 42 orang kakitangan sokongan pelbagai peringkat.

# Pengurusan Perpustakaan



## KETUA PERPUSTAKAAN

**Haji Ghazali bin Mat Jamil**

*Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan Dan Maklumat), UiTM*

Tel: 09-6653100

Emel: ghazalimj@unisza.edu.my

## BAHAGIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN



### Ketua Bahagian

**Hajah Rohani binti Othman**

*Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, UKM,*

*Diploma Lepasan Ijazah Sains Perpustakaan, UiTM*

Tel: 09-6653104

Emel: othrohani@unisza.edu.my

---

## Unit Kewangan

**Hajah Rohani binti Othman**

## Unit Pentadbiran & Latihan



### Ahmad Muslim bin Buhari

*Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hartanah, UTM*

Tel: 09-6653103

Emel: amuslim@unisza.edu.my

## Unit Kualiti & Audit



### Norulhuda binti Makhtar

*Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian) (Pengurusan Sistem Maklumat), UiTM*

Tel: 09-6653119

Emel: hude@unisza.edu.my

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN SUMBER



**Ketua Bahagian**

**Hajah Faridah binti Muda**

*Master of Library Science, Syracuse University (New York),*

*Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat*

*(Pengurusan Perpustakaan Dan Maklumat), UiTM*

Tel: 09-6653112

Emel: mfaridah@unisza.edu.my

---

### Unit Perolehan Sumber Maklumat (Monograf & AV)

**Hajah Faridah binti Muda**

### Unit Perolehan Sumber Maklumat (Hadiah & Pertukaran)/Unit Pengurusan Pemuliharaan



**Nurul Huda binti Zulkifli**

*Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)*

*(Pengurusan Rekod), UiTM*

Tel: 09-6653112

Emel: nurulhuda@unisza.edu.my

### Unit Perolehan Sumber Maklumat (Bahan Bersiri & Pangkalan Data)



**Sofiah binti Khalid**

*Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)*

*(Pengurusan Pusat Sumber Maklumat), UiTM*

Tel: 09-6653113 / 3103

Emel: sofiahk@unisza.edu.my

### Unit Pengindeksan & Bibliografi (Monograf)

**Norulhuda binti Makhtar**

### Unit Pengindeksan & Bibliografi (Bahan Elektronik & AV)



**Idris bin Jamailuddin @ Jamaluddin**

*Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)*

*(Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat), UiTM*

Tel: 09-6653107

Emel: idrisj@unisza.edu.my

### Unit Pengindeksan & Bibliografi (Bahan Bahasa Arab)

**Haji Ghazali Bin Mat Jamil**

## BAHAGIAN PERKHIDMATAN PENGGUNA



**Ketua Bahagian  
Din bin Sulong**  
*Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, UM,  
Diploma Lepasan Ijazah Sains Perpustakaan, UiTM*  
Tel: 09-6653105  
Emel: dins@unisza.edu.my

---

### Unit Pengurusan Sirkulasi Din bin Sulong

### Unit Perkhidmatan Maklumat



**Mohd Sabri bin Muda**  
*Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)  
(Pengurusan Perpustakaan Dan Maklumat), UiTM*  
Tel: 09-6653104  
Emel: mohdsabri@unisza.edu.my

### Perpustakaan Kampus Kota



**Marlina binti Jaafar**  
*Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)  
(Pengurusan Perpustakaan Dan Maklumat), UiTM*  
Tel: 09-6275651  
Emel: marlinajaafar@unisza.edu.my

## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & MULTIMEDIA



**Ketua Bahagian**  
**Mohd Khairuddin bin Mohd Yassin**  
*BSc. Industry & Systems Engineering (Hons), Ohio University (USA)*  
Tel: 09-6653118  
Emel: dpee@unisza.edu.my

---

### Unit Pengurusan & Penyelenggaraan Sistem Perpustakaan

**Mohd Khairuddin bin Mohd Yassin**

### Unit Pengurusan Sumber Digital & Multimedia



**Rosnorzaini binti Rusli**  
*Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)  
(Pengurusan Pusat Sumber Maklumat), UiTM*  
Tel: 09-6653103  
Emel: rosnor@unisza.edu.my

# Visi, Misi, Objektif dan Halatuju Perpustakaan

## ***VISI***

Menjadi pusat maklumat akademik yang unggul berdasarkan teknologi

## ***MISI***

Menyediakan maklumat serta kemudahan terkini bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan pembangunan penyelidikan untuk kecemerlangan akademik

## ***OBJEKTIF***

1. Menjadi pusat maklumat dan rujukan Universiti
2. Memperoleh dan membangun koleksi perpustakaan yang berkualiti bertepatan dengan keperluan akademik dan penyelidikan semasa dan akan datang dalam apa jua bentuk
3. Mewujudkan satu pasukan pengurusan perpustakaan yang berkelayakan, cekap, berilitzam dan peka kepada misi dan visi Universiti dan meningkatkan profil Perpustakaan pada pandangan umum
4. Menyediakan perkhidmatan maklumat yang lengkap., tersusun dan terkini dalam persekitaran yang kondusif
5. Menjadi rakan kongsi pencapaian kegembilangan akademik
6. Menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan semua pengunjung Universiti samada warga Universiti mahupun masyarakat am yang memerlukan maklumat
7. Menggiatkan program budaya ilmu untuk warga kampus dan persekitarannya serta memupuk kesedaran terhadap nilai maklumat
8. Memaksimakan penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan

## ***HALATUJU***

Ke Arah Perpustakaan Digital & *Virtual Library*

# Struktur Bahagian

## Bahagian Perancangan Pembangunan Perpustakaan

Unit Pentabiran & Latihan

Unit Kualiti & Audit

Unit Kewangan

## Bahagian Pembangunan & Pengurusan Sumber

Unit Perolehan Sumber Maklumat

Perolehan Bahan Monograf/AV

Perolehan Bahan Bersiri & Pangkalan Data

Perolehan Hadiah & Pertukaran

Unit Pengurusan & Pemuliharaan Koleksi

Unit Pengindeksan & Bibliografi

Pengindeksan Monograf

Pengindeksan Bahan Bersiri/Terhad

Pengindeksan Bahan Elektronik/AV

Pengindeksan Bahan Arab

**Bahagian Perkhidmatan Pengguna**

**Unit Pengurusan Sirkulasi**

**Pendidikan Pengguna & Perundingan Mak.**

**Pengurusan Koleksi Undang-Undang**

**Pengurusan Arkib Universiti**

**Bantuan Penyelidikan & Pascasiswa**

**Pengurusan Perpustakaan Kampus Kota**

**Bahagian Teknologi Maklumat & Multimedia**

**Unit Peng. & Penyelenggaraan Sistem Perpustakaan**

**Unit Peng. Sumber Digital & Multimedia**

# Keahlian Perpustakaan

## 1. Kategori Keahlian

### a. Pelajar Siswazah

- i. Pelajar Ijazah (Sarjana Muda)/Diploma

### b. Pelajar Pascasiswazah

- i. Pelajar Diploma Lepasan Ijazah
- ii. Pelajar Ijazah Lanjutan (Masters)
- iii. Pelajar Ijazah Kedoktoran (Ph.D.)

### c. Pegawai Akademik

- i. Pensyarah tetap/kontrak
- ii. Tutor tetap/kontrak
- iii. Felo akademik

### d. Pegawai Pengurusan dan Profesional

- i. Pegawai tetap/kontrak

### e. Pegawai/Kakitangan Sokongan

- i. Kakitangan tetap/kontrak

## 2. Pendaftaran Keahlian

- i. Semua pelajar diminta mendaftar keahlian semasa menghadiri sesi program literasi perpustakaan (di perpustakaan) dan menyerahkan sekeping gambar ukuran kad pengenalan.
- ii. Bagi kakitangan Universiti, mereka juga perlu mendaftar keahlian perpustakaan dengan membawa sekeping gambar ukuran kad pengenalan.



### 3. Status Keahlian (Pelajar dan Kakitangan)


- i. Pelajar yang menangguhkan pengajian akan diberikan status *suspended* sehingga mereka menyambung semula pengajian.
- ii. Pelajar yang menarik diri dari pengajian atau tidak menamatkan pengajian atau digugurkan dari pengajian atau mana-mana perkara yang berkaitan akan diberikan status *terminated*. Segala kemudahan yang diberi ditarik balik.
- iii. Kakitangan (Universiti Sultan Zainal Abidin) yang sedang cuti belajar di dalam negara (kecuali di UniSZA) akan diberikan status *study leave*. Walau bagaimanapun, beliau berhak menggunakan semua perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan.
- iv. Kakitangan (Universiti Sultan Zainal Abidin) yang sedang cuti belajar di luar negara akan diberikan status *suspended* sehingga mereka kembali berkhidmat semula dengan UniSZA.
- v. Kakitangan (Universiti Sultan Zainal Abidin) yang melanjukan pelajaran di UniSZA akan menerima pakai keahlian sebagai kakitangan seperti sebelumnya dan berhak menggunakan semua perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan.

### 4. Kelayakan Pinjaman Mengikut Kategori Keahlian

Kelayakan untuk meminjam bahan-bahan perpustakaan (yang dibenarkan) mengikut kategori keahlian adalah seperti di Jadual 1 di bawah.

Kategori Keahlian	Pelajar				Pegawai Akademik		Pengurusan & Professional		Pegawai Sokongan	
	Siswazah		Pasca Siswazah							
Kelayakan	Bil.	Hari	Bil.	Hari	Bil.	Hari	Bil.	Hari	Bil.	Hari
	7	14	15	30	20	60	7	30	4	14

Jadual 1



## Peraturan Am Perpustakaan

1. Penggunaan perpustakaan dan kemudahan yang disediakan terhad kepada kakitangan dan pelajar UNISZA sahaja. Pengguna selain daripada kedua-dua kategori di atas hendaklah mendapat kebenaran daripada Ketua Pustakawan terlebih dahulu.
2. Pengguna diwajibkan **memakai kad pelajar/kad kakitangan** semasa berada di perpustakaan. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan pengguna dilarang menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.
3. Pengguna hendaklah berkelakuan baik dan berpakaian kemas mengikut **Kod Etika Pakaian UniSZA** semasa berada di dalam perpustakaan.
4. Hanya buku, nota, kertas, komputer riba dan peralatan tulis dibenarkan dibawa masuk ke dalam perpustakaan. Beg, beg komputer, fail, topi keledar dan barang-barang lain tidak dibenarkan dibawa masuk melainkan dengan kebenaran. Barang-barang ini hendaklah disimpan di ruang bagasi.
5. Pengguna diingatkan supaya tidak meninggalkan barang-barang berharga di ruang bagasi. Pihak perpustakaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kehilangan barang-barang pengguna.
6. Semasa berada dalam perpustakaan pengguna dilarang:
  - 6.1 Membuat bising, berbual dan berbincang sehingga mengganggu ketenteraman orang lain.
  - 6.2 Mengguna telefon bimbit dalam perpustakaan. Telefon bimbit mestilah diletakkan dalam *mode bergegar* (*vibrate*) atau senyap (*silent*). Pihak perpustakaan berhak menegur dan meminta pengguna meninggalkan perpustakaan sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi.
  - 6.3 Merokok, makan dan minum.
  - 6.4 Menconteng, mengoyak, merosakkan atau mencuri bahan perpustakaan.
  - 6.5 Memindahkan buku/bahan dari satu aras/koleksi ke aras/koleksi lain.
  - 6.6 Mengalih, menyalahguna, dan merosakkan perabut.
  - 6.7 Membuang sampah merata-merata.
  - 6.8 Menempah tempat duduk dalam perpustakaan.
7. Semua bahan perpustakaan hanya boleh dibawa keluar melalui pinjaman atau mendapat kebenaran daripada Ketua Pustakawan.
8. Pengguna tidak dibenarkan membawa masuk haiwan peliharaan ke dalam perpustakaan.
9. Buku dan peralatan lain yang ditinggalkan di atas kerusi dan meja dalam jangka waktu yang panjang akan dipungut oleh kakitangan perpustakaan. Pengguna boleh mengambil barang-barang tersebut di Bahagian Perkhidmatan Maklumat.

10. Peminjam bertanggungjawab sepenuhnya ke atas bahan-bahan yang dipinjam. Membuat pinjaman dengan menggunakan kad pelajar/kad kakitangan pengguna lain adalah satu kesalahan.
11. Waktu rasmi untuk menentukan denda ke atas buku-buku yang lewat dipulangkan dan untuk tujuan lain akan dikira menurut jam yang ditentukan dalam sistem perpustakaan berkomputer. Sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada sistem tersebut, masa yang tepat akan ditentukan mengikut maklumat tarikh yang ada pada slip pemulangan buku.
12. Pengguna dikehendaki menunjukkan semua buku serta bahan yang dibawa keluar untuk tujuan pemeriksaan sebelum meninggalkan perpustakaan.
13. Kakitangan perpustakaan berhak mengarahkan pengguna meninggalkan perpustakaan jika didapati melanggar peraturan yang ditetapkan atau mengganggu ketenteraman dalam perpustakaan
14. Pihak perpustakaan berhak menghalang pengguna daripada menggunakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan sekiranya melanggar peraturan perpustakaan atau peraturan Universiti.
15. 15 minit sebelum perpustakaan ditutup loceng akan dibunyikan. Pengguna-pengguna dikehendaki meninggalkan perpustakaan pada masa itu. Semua urusan di kaunter dan penggunaan kemudahan-kemudahan akan ditamatkan.
16. Untuk kepentingan semua, pihak perpustakaan berhak meminda atau menambah sebarang peraturan dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis.



# Kemudahan Perpustakaan

## 1. Ruang Bacaan

Perpustakaan Kampus Gong Badak menyediakan tempat duduk di ruang bacaan di semua aras yang boleh memuatkan kira-kira 400 orang pengguna pada satu-satu masa. Tempat duduk di Perpustakaan Kampus Kota hanya dapat menampung seramai 30 orang sahaja.

## 2. Bilik Tayangan

Terdapat sebuah bilik tayangan di aras 2 bersebelahan Koleksi Multimedia di Perpustakaan Kampus Gong Badak. Bilik ini dilengkapi dengan peralatan tayangan untuk seramai 40 orang. Kemudahan ini tidak terdapat di Perpustakaan Kampus Kota.

## 3. Perkhidmatan Fotokopi/Percetakan

Perkhidmatan fotokopi dikendalikan oleh pihak swasta disediakan di aras 1. Perkhidmatan percetakan komputer disediakan di makmal komputer perpustakaan, juga di aras 1 bersebelahan Koleksi Rujukan. Perkhidmatan ini juga disediakan di Perpustakaan Kampus Kota.

## 4. Makmal dan Kemudahan Komputer

### 4.1. Kampus Gong Badak

Sebuah makmal komputer yang boleh memuatkan seramai 14 orang pengguna disediakan di aras 1 bersebelahan Koleksi Rujukan. Makmal ini adalah untuk kemudahan pengguna mengakses pangkalan data, bahan-bahan digital dan melayari Internet. Kemudahan percetakan juga tersedia di bilik ini. Penggunaan komputer di makmal adalah melalui tempahan.

### 4.2 Kampus Kota

Makmal komputer yang disediakan di Perpustakaan Kampus Kota boleh menampung seramai 8 orang pengguna sahaja pada satu-satu masa.

## 5. Kawasan Internet Tanpa Wayar

Akses kepada Internet tanpa wayar (wireless) boleh dicapai semua ruang di dalam perpustakaan di kedua-dua kampus. Pengguna dinasihatkan mendaftar dengan Pusat Teknologi Maklumat untuk mendapatkan kata laluan.

## 6. Bilik Bacaan 24 Jam

Bilik Bacaan 24 jam hanya disediakan di Perpustakaan Kampus Kota sahaja. Akses kepada bilik ini ialah melalui pintu luar perpustakaan. Bilik ini dapat menampung seramai 10-12 orang pada satu-satu masa.

## 6. Mesin *Selfcheck/Bookdrop*

Penggunaan *selfcheck system* yang membolehkan pengguna mengendalikan urusan pinjaman tanpa perlu beratur di kaunter. Sistem ini melibatkan pemasangan perisian dan peralatan dan dilaksanakan di kedua-dua kampus.

# Perkhidmatan Perpustakaan

## 1. Pinjaman

### 1.1 Koleksi Yang Dibenarkan

Pengguna yang telah mendaftar menjadi ahli perpustakaan layak meminjam bahan-bahan daripada koleksi-koleksi yang dibenarkan untuk pinjaman. Semua urusan pinjaman dan pemulangan adalah dengan menggunakan kad pelajar/kad kakitangan. Sila rujuk kepada sistem perpustakaan untuk mengetahui samada sesuatu bahan boleh dipinjam atau hanya untuk rujukan sahaja.

### 1.2 Denda

Bahan-bahan yang dipinjam hendaklah dipulangkan sebelum atau pada tarikh yang tercatit pada slip pemulangan. Kelewatan memulangkan bahan akan dikenakan denda sebagaimana di Jadual 2 di bawah.

Jenis Bahan	Tempoh	Denda (RM)
Koleksi Terbuka	Lewat 1 hari	RM0.20
Koleksi Pinjaman Terhad (Tanda Merah)	Lewat 1 hari	RM1.00

Jadual 2

Pengguna-pengguna yang tidak menjelaskan denda, apabila jumlah denda sampai ke tahap maksima tidak akan dibenarkan meminjam atau membaharui pinjaman seterusnya.

### 1.3 Denda Maksima

Denda maksima yang dikenakan sehingga sistem tidak membenarkan pinjaman atau membaharui pinjaman adalah seperti di Jadual 3 di bawah.

Bil.	Kategori Pelanggan	Had Mak. Denda utk setiap Buku (RM)	Had Mak. Akaun Disekat (RM)	Had Mak. Denda (RM)	Implikasi
1.	Pelajar Siswazah	3.00	05.00	50.00	Tidak dibenarkan membuat pinjaman
2.	Pelajar Pascasiswazah	3.00	05.00	50.00	Tidak dibenarkan membuat pinjaman
3.	Pegawai Akademik	3.00	10.00	100.00	Tidak dibenarkan membuat pinjaman
4.	Pegawai Peng. & Profesional	3.00	10.00	100.00	Tidak dibenarkan membuat pinjaman
5.	Pegawai Sokongan	3.00	05.00	50.00	Tidak dibenarkan membuat pinjaman

Jadual 3

#### **1.4 Denda dan Bayaran Kerana Kehilangan atau Kerosakan Bahan**

Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan pada bahan dalam tempoh pinjaman, pengguna dikehendaki:

- a. Menggantikan bahan yang hilang atau rosak dengan bahan yang sama atau dengan edisi terkini, **ATAU**
- b. Membayar secara tunai **SATU KALI GANDA** (200%) harga asal bahan tersebut sebagaimana yang telah direkodkan dalam sistem atau mengikut harga semasa beserta wang proses sebanyak RM10.00.

Denda kelewatan pemulangan juga dikenakan sekiranya berlaku kelewatan bahan dipulangkan.

#### **2. Tempahan**

- 2.1 Perkhidmatan tempahan bahan atas talian boleh dibuat melalui WebOPAC atau di Bahagian Perkhidmatan Maklumat.
- 2.2 Tempahan hanya boleh dibuat bagi bahan yang sedang dipinjam oleh pengguna lain dan berstatus *circulated* seperti tercatit dalam sistem perpustakaan.
- 2.3 Notis pemberitahuan tempahan bahan akan ditampal di papan kenyataan perpustakaan. Pengguna juga boleh menyemak status tempahan melalui **Patron Enquiry** dalam modul **InfoTrack** atau melalui laman Web Perpustakaan.
- 2.4 Sekiranya sistem perpustakaan mengalami masalah, tempahan boleh dibuat secara manual di kaunter utama.
